

4) PEKERJA LADANG

Adun : Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Sungai Ramal)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah perkembangan terkini pembinaan 245 rumah pekerja ladang di lima (5) estet di Bestari Jaya.**

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Program Perumahan Rakyat (PPR) atau kini dikenali sebagai Program Residensi Rakyat (PRR) Harmoni Madani Bestari Jaya bagi tujuan penyelesaian untuk penempatan kepada bekas pekerja ladang yang terdiri daripada lima (5) ladang iaitu Ladang Minyak, Ladang Sungai Tinggi, Ladang Mary, Ladang Nigel Garder dan Ladang Bukit Tagar yang terletak di Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merealisasikan projek PRR tersebut dengan kelulusan Kebenaran Merancang telah diperolehi pada 28 Oktober 2024 daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). Cadangan pembangunan ini melibatkan penyediaan kediaman sebanyak 245 unit PRR yang terdiri daripada komponen rumah teres satu (1) tingkat yang mempunyai tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air dengan berkeluasan 750 kaki persegi.

Bagi pelaksanaan projek ini, kos keseluruhan pembangunan PRR melibatkan sebanyak RM75 juta. Ini selaras dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 13/2024 bertarikh 10 Mei 2024 telah bersetuju dengan cadangan penyelesaian Rumah Kediaman Bekas Pekerja Ladang Berjaya City dengan peruntukan tersebut sejumlah RM75 juta melalui peruntukan KPKT sejumlah RM40 juta dan Kerajaan Negeri Selangor sejumlah RM35 juta.

Berdasarkan status terkini, pihak PRIMA selaku agensi pelaksana projek telah melaksanakan kerja-kerja tanah di tapak pada bulan Disember 2024 dan pihaknya dalam proses mengemukakan permohonan Pelan Bangunan untuk kelulusan oleh MPKS. Melalui perancangan pembangunan ini, PRIMA menjangkakan akan memulakan kerja-kerja pembinaan rumah di tapak pada bulan April 2025 dengan tempoh siap selama 2 tahun pembinaan.